

BADAL HAJI: ANALISA DARI PESPEKTIF SYARIAH

DR. MAAD AHMAD

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
maad@uis.edu.my

DR. MUHAMMAD YOSEF NITEH

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
myosef@uis.edu.my

DR. MOHAMED FAIROOZ MOHAMED FATHILLAH

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
mfairooz@uis.edu.my

DR. ZAINUDDIN CHE SEMAN

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
zainuddin@uis.edu.my

ABSTRAK

Badal haji, atau haji gantian, merujuk kepada amalan melaksanakan ibadah haji bagi pihak orang lain yang tidak mampu menunaikannya atas keuzuran tertentu atau telah meninggal dunia. Artikel ini membincangkan hukum badal haji, kriteria keuzuran yang mengharuskan badal haji, syarat wakil yang melaksanakan badal haji serta status bayaran yang diterima. Dalam kajian ini, penulis menggunakan metod deskriptif, dimana pandangan pelbagai mazhab utama dalam Islam, termasuk Mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hanbali dianalisa berpandukan kepada sumber-sumber hukum syarak. Kajian ini mendapati bahawa mazhab empat secara umumnya bersepakat atas pensyariatan haji gantian, namun mereka berbeza pandangan dalam beberapa aspek tertentu termasuk hukum melaksanakan haji bagi pihak orang yang belum meninggal dunia, status hukum pelaksanaan haji bagi orang yang telah meninggal dunia adakah wajib ataupun tidak. Mazhab empat juga berselisih pandangan tentang beberapa syarat yang berkaitan dengan wakil dan pihak yang diwakili serta status bayaran yang diterima.

Kata kunci: Badal haji, Upah Haji, Keuzuran Haji

PENGENALAN

Haji merupakan salah satu daripada lima rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang memiliki *istita'ah* (kemampuan) dari aspek fizikal dan kewangan sepertimana yang dinyatkan dalam surah al-Imran ayat 97. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan-keadaan tertentu yang menyebabkan seseorang tidak mampu melaksanakan ibadah haji secara langsung, maka di sini timbulnya konsep badal haji yang dilihat relevan dan perlu demi menunaikan rukun Islam yang kelima. Badal Haji adalah amalan menghantar seseorang untuk melaksanakan ibadah haji bagi pihak orang lain yang tidak mampu melaksanakan ibadah tersebut kerana telah menginggall dunia atau kerana mempunyai keuzuran yang kekal iaitu kategori yang di sebut dalam kitab-kitab fiqh sebagai *al-ma'dhub*.

Badal Haji mempunyai asas hukum yang kukuh dalam syariat Islam. Terdapat hadis-hadis yang berkaitan amalan ini, di mana Rasulullah SAW pernah membenarkan seorang yang melaksanakan haji bagi pihak bapanya yang sudah tua dan tidak mampu menaiki kenderaan.

عن ابن عباس رضي الله عنهمما قال: "كان الفضل بن عباس رديف رسول الله صلى الله عليه وسلم، فجاءته امرأة من خثعم تستقتنيه، فجعل الفضل ينظر إليها وتنظر إليه، فجعل رسول الله صلى الله عليه وسلم يصرف وجه الفضل إلى الشق الآخر، فقالت: يا رسول الله، إن فريضة الله على عباده في الحج أدركت أبي شيئاً كبيراً لا يستطيع أن يثبت على الراحلة، فألْحَجْ عنه؟ قال: نعم، وذلك في حجة الوداع".

Daripada Ibn Abbas RA, beliau berkata: "Al-Fadl bin Abbas menunggang di belakang Rasulullah SAW, lalu datang seorang wanita dari Khath'am bertanya kepada Rasulullah SAW. Al-Fadl memandang wanita itu dan wanita itu memandang al-Fadl. Maka Rasulullah SAW memalingkan wajah al-Fadl ke arah lain. Wanita itu berkata: 'Wahai Rasulullah, sesungguhnya kewajipan Allah kepada hamba-hamba-Nya mengenai haji telah tiba ketika ayahku seorang yang sangat tua dan tidak mampu tetap di atas tunggangan. Adakah saya boleh menunaikan haji bagi pihaknya?' Rasulullah SAW menjawab: 'Ya,' dan itu berlaku pada Haji Wada'.
(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW membenarkan seseorang untuk melaksanakan ibadah haji bagi pihak orang lain yang tidak mampu melaksanakannya sendiri, seperti dalam kes ayah wanita tersebut yang terlalu tua untuk melakukan perjalanan haji. Makalah ini akan membincangkan tentang konsep badal haji, termasuk asas hukum, pandangan ulama, syarat-syarat, serta isu hukum bayaran-bayaran berkaitan.

PANDANGAN MAZHAB DALAM MASALAH BADAL HAJI

Terdapat beberapa hadis yang sahih menunjukkan kesahihan badal haji bagi pihak yang telah meninggal dunia atau cacat yang kekal, namun para fuqaha' berbeza pandangan dalam menafsirkannya kerana konsep gantian dalam haji ini bercanggah dengan konsep umum ibadah *badaniyyah* yang mana ia perlu dilaksanakan sendiri oleh seseorang mukallaf terutama yang masih hidup seperti ibadah solat, puasa, zikir dan lain-lain.

Majoriti para fuqaha' dalma mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hambali mengharuskan badal haji bagi orang yang telah meninggal dunia atau dalam kesakitan yang tiada lagi harapan sembah atau yang disebut dalam buku fiqh sebagai "*al-ma'dhub*".

Imam al-Nawawi (1996) dalam kitab Syarh Sahih Muslim berkata:

"والجمهور على أن النيابة في الحج جائزة عن الميت والعاجز المئوس من برئه"

"Dan menurut pandangan majoriti ulama, ibadah haji secara wakil dibenarkan untuk orang yang telah meninggal dunia dan orang yang tidak mampu yang tidak diharapkan sembah."

Mazhab Maliki, rahimahullah, berpendapat bahawa tidak dibenarkan pelaksanaan haji secara wakil (badal) bagi orang yang tidak mampu (*ma'dhub*), dan haji tidak wajib dilakukan untuk

orang yang telah meninggal dunia dari harta peninggalannya, kecuali jika dia berwasiat sedemikian.

Terdapat beberapa riwayat lain dalam mazhab Imam Malik seputar ini disebut oleh al-'Aini (2001) dalam kitab syarh al-Bukhari' bahawa pandangan mazhab Maliki terdapat tiga riwayat dalam masalah badal haji, yang paling masyhur adalah tidak dibenarkan. Kedua, ia dibenarkan jika dilakukan oleh anaknya. Ketiga, ia dibenarkan jika wasiat telah dibuat.

Dapat dilihat dari perbincangan ini bahawa majoriti fuqaha' termasuk mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hambali berpandangan bahawa badal haji disyariatkan dalam Islam. Dalam mazhab Maliki pula mempunyai tiga riwayat sama ada diharuskan atau diharuskan dengan syarat-syarat tertentu. Secara kesimpulannya mereka bersepakat atas asas berkaitan badal haji kerana hadis-hadis berkaitan perkara ini adalah sahih dan jelas.

DALIL PENSYARIATAN BADAL HAJI

Para fuqaha' yang mengharuskan badal haji adalah berdasarkan beberapa hadis dari Rasulullah SAW. Antaranya hadis di riwayatkan oleh Imam al-Bukhari (1989) yang dikenali sebagai hadis Juhainah:

عن ابن عباس رضي الله عنهم: أن امرأة من جهينة جاءت إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقالت: إن أمي نذرت أن تحج فلم تحج حتى ماتت، فأفحى عنها؟ قال: "نعم حجي عنها، أرأيت لو كان على أمك دين أكنت قاضيتها؟ أقضوا الله فالله أحق بالوفاء" (رواه البخاري).

Daripada Ibn Abbas r.a: Seorang wanita dari Juhainah datang kepada Nabi s.a.w dan berkata: Sesungguhnya ibuku telah bernazar untuk menunaikan haji tetapi dia belum sempat menunaikannya sehingga dia meninggal dunia. Adakah aku boleh menunaikan haji bagi pihaknya? Nabi menjawab: "Ya, tunaikanlah haji bagi pihaknya. Bagaimana pendapatmu jika ibumu mempunyai hutang, adakah kamu akan membayarnya? Tunaikanlah hutang Allah, kerana Allah lebih berhak untuk ditunaikan hutangnya".

Hadis ini jelas bahawa Rasulullah SAW memberi keizinan kepada wanita tersebut untuk menunaikan haji bagi pihak ibunya, namun haji yang dimaksudkan ini adalah haji yang nazar dan orang yang diwakili juga adalah telah meninggal dunia. Dalam hadis ini juga Rasulullah SAW menanyakan soalan dengan menyamakan tanggungan haji dan tanggungan hutang. Ia jelas memberi isyarat bahawa ibadah haji ini menyerupai hutang dari sudut wajib melalukan pembayaran atau gantian.

Selain hadis ini terdapat hadis lain yang membolehkan badal haji bagi orang yang masih hidup tetapi tidak memiliki kemampuan melaksanakannya dengan sendiri kerana sakit tua:

عن عبد الله بن عباس رضي الله عنهمما قال: جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: يا رسول الله، إن فريضة الله على عباده في الحج، أدركت أبي شيئاً كبيراً لا يسنطيع أن يثبت على الراحلة، فأفحى عنه؟ قال: "نعم" (رواه البخاري ومسلم).

Daripada Abdullah bin Abbas r.a berkata: Seorang lelaki datang kepada Nabi s.a.w dan berkata: Ya Rasulullah, sesungguhnya kewajipan Allah ke atas

hamba-hamba-Nya dalam haji telah sampai kepada ayahku yang sudah tua dan tidak mampu lagi duduk di atas tunggangan. Adakah aku boleh menunaikan haji bagi pihaknya? Nabi menjawab: "Ya".
(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dua hadis di atas adalah jelas membolehkan badal haji bagi orang yang telah meninggal dunia atau berada dalam sakit yang tiada lagi harapan sembuh seperti orang tua yang sudah tidak lagi mampu menaiki kenderaan, begitu juga pesakit yang disahkan tiada lagi harapan untuk sembuh.

Imam Malik juga turut berhujjah dengan hadis-hadis di atas, namun menafsirkan hadis ini dalam konteks yang khusus untuk sahabat yang bertanya dan tidak boleh diumumkan kepada orang lain. Disamping itu, Mazhab Malikiyyah berhujjah bahawa ibadah haji adalah ibadah yang memerlukan usaha fizikal maka ibadah ini harus dilakukan sendiri oleh individu yang berkemampuan secara fizikal dan tidak boleh diwakilkan seperti mana ibadah-ibadah lain juga tidak diwakilkan.

SYARAT-SYARAT BADAL HAJI

Syarat Pertama: Orang yang diwakili telah meninggal atau tiada kemampuan fizikal.

Pelaksanaan haji atau umrah yang wajib hanya boleh diwakilkan bagi pihak orang yang telah menginggal duan atau orang hidup yang tidak mampu melakukannya dengan tubuh badannya sendiri kerana keuzuran yang kekal. Bagi yang mampu melaksanakan haji dan umrah dengan tubuh badannya, perwakilan untuk ibadah tersebut tidak sah.

Berkata Ibn Qudamah (2005):

"لا يجوز أن يستنيب في الحج الواجب من يقدر على الحج بنفسه إجماعاً"

Tidak harus mewakilkan haji wajib bagi seseorang yang mampu melaksanakannya sendiri dengan sepakat para ulama.

Ibn al-Munzir (2004) juga menuqilkan perkara yang sama, kata beliau:

"أجمع أهل العلم على أن من عليه حجة الإسلام وهو قادر على أن يحج، لا يجزئ عنه أن يحج غيره عنده"

Para ulama telah sepakat bahawa seseorang yang diwajibkan untuk melaksanakan Haji Islam (haji wajib) dan dia mampu melaksanakannya, tidak sah jika orang lain melaksanakan haji tersebut untuknya.

Syarat ini adalah berkaitan haji yang wajib. Adapun haji dan umrah yang sunat, para ulama berbeza pendapat sama ada seseorang yang mampu melaksanakannya dengan tubuh badan sendiri boleh mewakilkan orang lain atau tidak. Mazhab Hambali dalam pendapat yang muktamad membenarkan perkara tersebut, manakala majoriti ulama melarangnya. Dalam kitab Al-Raudh Al-Murbi' oleh Al-Buhuti Al-Hambali (2013) disebutkan:

"ويصح أن يستنيب قادر وغيره، في نفل حج، أو بعضه"

"Sah bagi seseorang yang mampu atau selainnya untuk mewakilkan orang lain dalam haji sunat atau sebagianya.".

Ibn Qasim (1977) dalam Hasyiah beliau menyebut:

"كالصدقه، ولأنها لا تلزم القادر، ولا غير القادر بنفسه، فجاز أن يستتب فيها، كالمعرضوب"

"Seperti sedekah, kerana ia tidak diwajibkan bagi yang mampu mahupun yang tidak mampu untuk melaksanakannya sendiri, maka dibolehkan untuk mewakilkan orang lain dalam perkara tersebut, seperti orang yang tidak mampu".

Al-Hafiz Ibn Hajar (2021) berkata:

"وأتفق من أجاز النيابة في الحج على أنها لا تجزى في الفرض إلا عن موت أو عصب - أي : شلل - ، فلا يدخل المريض ؛ لأنَّه يرجى برؤه ، ولا المجنون ؛ لأنَّه ترجى إفاقته ، ولا المحبوس ؛ لأنَّه يرجى خلاصه ، ولا الفقير ؛ لأنَّه يمكن استغفاره"

"Ulama yang membenarkan perwakilan dalam haji sepakat bahawa ia tidak sah untuk mewakilkan orang melakukan haji yang wajib kecuali bagi orang yang meninggal dunia atau yang lumpuh. Oleh itu, ia tidak termasuk orang yang sakit, kerana diharapkan dia akan sembuh, dan tidak termasuk orang yang gila, kerana diharapkan dia akan sembuh, dan tidak termasuk orang yang dipenjarakan, kerana diharapkan dia akan dibebaskan, dan tidak termasuk orang miskin, kerana mungkin ada satu masa dia akan ada harta semula".

Syarat Kedua: Wakil telah melaksanakan haji untuk diri sendiri

Badal haji wajiblah dilakukan oleh mereka yang sudah melakukan ibadat haji untuk dirinya sendiri. Jika ia dilakukan oleh mereka yang belum melakukan ibadat haji, maka haji tersebut dianggap telah dilakukan bagi dirinya sendiri dan bukan bagi pihak mereka yang mewakilkan atau mengupahnya.

Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Ibnu Majah:

عن ابن عباس رضي الله عنهما قال "سمِعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا يَقُولُ: لَنِيلَكَ عَنْ شُبُرْمَةَ، قَالَ: مَنْ شُبُرْمَةُ؟ قَالَ: أَخُ لَيْ أَوْ قَرِيبٌ لَيْ، قَالَ: حَجَّتْ عَنْ نَفْسِكَ؟ قَالَ: لَا، قَالَ: حُجَّ عَنْ نَفْسِكَ ثُمَّ حُجَّ عَنْ شُبُرْمَةَ" (رواه أبو داود وابن ماجه وأحمد).

Daripada Ibnu Abbas RA berkata: Rasulullah SAW mendengar seorang lelaki berkata: "Labbaik (aku datang untuk memenuhi panggilan-Mu) bagi pihak Syubrumah." Lalu Baginda bertanya: "Siapa Syubrumah?" Lelaki itu menjawab: "Saudara saya atau kerabat saya." Baginda bertanya lagi: "Adakah kamu sudah menunaikan haji untuk dirimu sendiri?" Lelaki itu menjawab: "Tidak." Baginda bersabda: "Buatlah haji untuk dirimu sendiri dahulu, kemudian haji untuk Syubrumah."

Syarat Ketiga: Mendapat keizinan dari orang yang diwakili atau pewarisnya

Mereka yang melaksanakan badal haji perlu mendapat keizinan daripada individu yang tidak mampu menunaikan ibadat haji (*ma'dhub*) tersebut jika dia masih hidup. Jika dia sudah meninggal dunia, mereka tidak memerlukan sebarang keizinan atau wasiat daripada si mati di dalam menunaikan badal haji tersebut.

Syarat keempat: Niat haji untuk orang yang diwakilinya sahaja.

Seorang wakil dalam haji hanya boleh mewakili seorang sahaja dalam satu ibadah haji. Sekiranya seorang wakil berniat melaksanakan haji bagi pihak lain lebih dari seorang maka haji tersebut tidak sah bagi kedua-dua pewakil. Sebaliknya ia menjadi haji sunat bagi wakil itu sendiri.

Kata Imam al-Nawawi dalam kitabnya *al-Majmu'*:

"فَإِنْ أَصْحَابَنَا لَوْ اسْتَاجَرَ رَجُلٌ بِحُجَّ عَنْهُمَا فَأَحْرَمَ مَعًا أَنْعَقَدَ إِحْرَامَهُ لِنَفْسِهِ تَطْوِعًا وَلَا يَنْعَقِدُ لَوْاحِدٍ مِنْهُمَا لَأَنَّ الْإِحْرَامَ لَا يَنْعَقِدُ عَنِ النَّيْنِ وَلَيْسَ أَحَدُهُمَا أُولَئِي مِنَ الْآخَرِ وَلَوْ أَحْرَمَ عَنْ أَحَدِهِمَا وَعَنْ نَفْسِهِ مَعًا أَنْعَقَدَ إِحْرَامُهُ عَنْ نَفْسِهِ لِأَنَّ الْإِحْرَامَ عَنِ النَّيْنِ لَا يَجُوزُ وَهُوَ أُولَئِي مِنْ غَيْرِهِ"

Para ashab kami berpandangan sekiranya dua orang mengupah seseorang untuk melaksanakan haji untuk mereka berdua lalu dia berniat ihram untuk keduanya sekaligus, maka haji tersebut menjadi haji sunat untuk orang yang diupah dan tidak sah haji untuk mereka berdua kerana tidak boleh berniat ihram untuk dua orang (dalam satu haji). Dan seorang dari keduanya tidak lebih berhak dari yang lain. Sekiranya seseorang niatkan ihram haji untuk orang lain dan juga diri sendiri maka ihramnya sah untuk diri sendiri sahaja. Ini kerana ihram haji untuk dua orang sekaligus tidak harus, dan dalam situasi ini dia lebih berhak.

Imam Ibn Hajar al-'Asqalani (2021) ketika syarah hadis berkaitan badala haji yang dilakukan bagi pihak Syubrumah menyebut:

"أَنَّهُ لَا يَجُوزُ لِمَنْ لَمْ يَحْجُّ عَنْ نَفْسِهِ أَنْ يَحْجُّ عَنْ غَيْرِهِ وَسَوَاءٌ كَانَ مُسْتَطِيعًا أَوْ غَيْرُ مُسْتَطِيعٍ لِأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَسْتَفْصِلْ هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي سَمِعَهُ يُلْبِي عَنْ شُبُرْمَةِ"

Tidak dibolehkan untuk seseorang yang belum melaksanakan haji untuk dirinya sendiri mengerjakan haji untuk orang lain samada seseorang itu berkemampuan atau tidak kerana Nabi SAW tidak memperincikan keadaan lelaki yang melakukan haji untuk Syubrumah.

Selain mazhab Syafi'i, Fuqaha mazhab lain juga berpandangan yang sama. Imam al-Buhuti (2013) dari Mazhab Hambali berkata:

"وَإِنْ أَحْرَمَ عَنِ النَّيْنِ اسْتِتابَاهُ فِي حَجَّ وَعُمْرَةَ؛ وَقَعَ عَنْ نَفْسِهِ؛ لِأَنَّهُ لَا يَمْكُنُ وَقْوَعَهُ عَنْهُمَا، وَلَيْسَ أَحَدُهُمَا أُولَئِي بَوْقَعَهُ عَنْهُ مِنَ الْآخَرِ".

"Dan jika seseorang berihram untuk dua orang yang mewakilkannya dalam haji dan umrah, ia dianggap sah untuk dirinya sendiri; kerana tidak mungkin berlaku untuk

kedua-duanya, dan tidak ada satu yang lebih layak untuk mendapat haji darinya daripada yang lain."

Ibn Qudamah (2005) juga menyebut:

"فَإِنْ اسْتَبَاهَهُ اثْنَانٌ فِي نِسْكٍ فَأَحْرَمَ بِهِ عَنْهُمَا وَقَعَ عَنْ نَفْسِهِ دُونَهُمَا، لَأَنَّهُ لَا يُمْكِنُ وَقْرَعَهُ عَنْهُمَا، فَهَذَا الْكَلَامُ يَدِلُّ عَلَى أَنَّهُ لَا يَصْحُ الْإِشْتِراكُ فِي إِحْرَامِ بِنْسَكٍ وَاحِدٍ".

"Jika dua orang mewakilkannya dalam ibadah haji atau umrah, lalu dia berihram untuk mereka berdua, maka ihram tersebut berlaku untuk dirinya sendiri dan bukan untuk mereka berdua, kerana tidak mungkin ia berlaku untuk kedua-duanya. Ini menunjukkan bahawa tidak sah berkongsi dalam ihram untuk satu ibadah."

Tambahan lagi, ibadah haji ialah suatu ibadah yang terhad waktunya (*mudhayyaq*) untuk menyempurnakan satu jenis ibadah tertentu sahaja dan tidak memadai atau mencukupi untuk melaksanakan ibadah lain yang sama jenis. Hal ini menyebabkan tidak mungkin dua ibadah haji dapat dilaksanakan sekaligus dalam satu tahun kerana seseorang itu perlu menyempurnakan kesemua *manasik* haji bagi memastikan ibadah hajinya sah.

Irsyad Fatwa pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2021) juga telah menerangkan:

"Hukum mengerjakan badal haji bagi beberapa individu di dalam satu masa adalah tidak sah kerana badal haji hanya mencukupi untuk satu orang sahaja. Oleh itu, kami nasihatkan kepada mereka yang ingin mengerjakan badal haji supaya menitikberatkan perkara seperti ini supaya amanah dan ibadat badal haji yang dikerjakan itu sah di sisi hukum dan mendapat keberkatan dari Allah".

Penjelasan yang sama turut disebut dalam Taudih al-Hukmi Pejabat Mufti Selangor (2023):

"Adapun bagi permasalahan seseorang mengerjakan haji untuk beberapa orang dalam satu haji adalah tidak diharuskan dan jika dilakukan badal haji itu tidak sah. Masih daripada hadis Syubrumah di atas menunjukkan bahawa ibadah haji adalah ibadah yang tidak boleh digabungkan dua niat dalam satu haji. Sekiranya ibadah haji boleh dilakukan untuk dua orang atau lebih, tentu Nabi SAW akan mengizinkan lelaki tersebut untuk menggabungkan niat haji untuk dirinya dan Syubrumah sekaligus".

HUKUM UPAH DALAM PELAKSANAAN BADAL HAJI

Badal boleh dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu secara sukarela dan dengan bayaran upah. Badal haji secara sukarela adalah perkara yang jelas dan ada dalam nas hadis-hadis seperti di atas. Walaubagaimanapun para fuqaha' berbeza pendapat mengenai hukum membayar atau mengambil upah dalam pelaksanaan badal haji ini.

Mazhab Maliki dan Syafi'i membolehkan ambil upah dalam pelaksanaan badal haji, dan ini juga adalah satu riwayat daripada Imam Ahmad. Namun Abu Hanifah, Ishaq bin Rahawaih, dan satu riwayat daripada Imam Ahmad mengatakan bahawa mengambil untuk melaksanakan badal haji tidak diharuskan.

Ibn Abdul Barr berkata dalam "Al-Istidhkar":

"Antara hujah Malik dan Syaf'i yang membolehkan perkara ini adalah ijmak mereka tentang penulisan mushaf, pembinaan masjid, penggalian kubur, dan sahnya mengambil upah untuk perkara tersebut, yang merupakan satu ibadah kepada Allah. Begitu juga dengan menunaikan haji bagi pihak orang lain, dan sedekah adalah ibadah kepada Allah, dan Allah membolehkan bagi orang yang melakukannya untuk mendapatkan upah atas pekerjaannya."

Pandangan yang membolehkan mengambil upah berhujjah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

عن أبي سعيدٍ رضيَ الله عنه: ((أَنَّ رَهْطًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْطَلَقُوا فِي سَفَرٍ سَافِرُوْهَا، حَتَّى نَزَلُوا بِهِ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ، فَاسْتَضْافُوهُمْ فَأَبْوَا أَنْ يُضْيَغُوهُمْ، فَلَدَعَ سَيْدُ ذَلِكَ الْحَيِّ، فَسَعَوْهَا لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ، لَا يَنْفَعُهُ شَيْءٌ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: لَوْ أَتَيْتُمْ هُؤُلَاءِ الرَّهْطَ الَّذِينَ قَدْ نَزَلُوا بِكُمْ، لَعَلَّهُمْ أَنْ يَكُونُ عِنْدَ بَعْضِهِمْ شَيْءٌ، فَأَتَوْهُمْ، فَقَالُوا: يَا أَيُّهَا الرَّهْطُ، إِنَّ سَيِّدَنَا لَدُعَ، فَسَعَيْنَا لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ، لَا يَنْفَعُهُ شَيْءٌ، فَهُلْ عِنْدَ مَنْكُمْ شَيْءٌ؟ فَقَالَ بَعْضُهُمْ: نَعَمْ، وَاللهِ إِنِّي لِرَاقٌ، وَلَكُنْ، وَاللهِ لَقَدْ اسْتَضْفَنَاكُمْ فَلَمْ تُضْيَغُونَا، فَمَا أَنَا بِرَاقٌ لَكُمْ حَتَّى تَنْجُلُوا لَنَا جُعْلًا، فَاصْلَحُوهُمْ عَلَى قِطْبِيِّ مِنَ الْغَنِيمَ، فَانْطَلَقَ فَجَعَلَ يَنْقُلُ وَيَقْرَأُ: الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَتَّى لَكَانُوا نُشِطٌ مِنْ عِقَالٍ، فَانْطَلَقَ يَمْشِي مَا بِهِ قَبْلَةً، قَالَ: فَأَوْفُوهُمْ جُعْلَهُمُ الَّذِي جَعَلَهُمْ عَلَيْهِ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: أَفْسِمُوا، فَقَالَ الَّذِي رَقَى: لَا تَنْقُلُوا حَتَّى نَأْتِي رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَنَذَرُ لَهُ الَّذِي كَانَ، فَنَنْظَرَ مَا يَأْمُرُنَا، فَقَدِمُوا عَلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَنَذَرُوا لَهُ، فَقَالَ: وَمَا يُدْرِيكَ أَنَّهَا رُقِيَّةٌ؟ أَصْبَنُمْ، أَفْسِمُوا وَاضْرِبُوْا لِي مَعْكِمِ بِسْمِهِ))

Daripada Abu Sa'id R.A berkata: "Sekumpulan sahabat Rasulullah SAW keluar dalam satu perjalanan sehingga mereka sampai di suatu perkampungan Arab. Mereka meminta dijamu tetapi penduduk kampung enggan menjamu mereka. Ketua kampung tersebut telah disengat, dan mereka telah mencuba segala cara untuk mengubatinya tetapi tidak berhasil. Sebahagian daripada mereka berkata: 'Pergilah kepada kumpulan orang yang telah datang kepada kamu; mungkin salah seorang daripada mereka mempunyai sesuatu (untuk mengubatinya).' Maka mereka pergi kepada para sahabat dan berkata: 'Wahai sekalian orang, ketua kami telah disengat, dan kami telah mencuba segala cara untuk mengubatinya tetapi tidak berhasil. Adakah salah seorang daripada kamu mempunyai sesuatu (untuk mengubatinya)?' Salah seorang daripada mereka berkata: 'Ya, demi Allah, aku adalah seorang yang boleh meruqyah, tetapi demi Allah, kami telah meminta kamu menjamu kami tetapi kamu tidak menjamu kami. Aku tidak akan meruqyah untuk kamu sehingga kamu memberikan upah kepada kami.' Mereka pun bersetuju untuk memberi sekumpulan kambing sebagai upah. Sahabat tersebut pergi dan mula meniup dengan air liur serta membaca: 'Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam,' sehingga kelihatan seolah-olah ketua tersebut terbebas dari ikatan. Dia bangun dan berjalan tanpa sebarang masalah. Mereka pun memberikan upah yang telah mereka sepakati. Sebahagian daripada mereka berkata: 'Bahagikanlah.' Tetapi yang meruqyah berkata: 'Jangan lakukan sehingga kita datang kepada Rasulullah SAW dan menceritakan apa yang telah berlaku, supaya kita dapat melihat apa yang baginda perintahkan kepada kita.' Mereka pun datang kepada Rasulullah SAW dan menceritakan kepada baginda. Baginda bersabda: 'Bagaimana kamu tahu bahawa ia adalah ruqyah? Kamu telah berbuat benar. Bahagikanlah dan berikanlah untukku sebahagian bersama kalian...'''.

Para sahabat Nabi SAW pernah mengambil upah untuk ruqyah dengan Kitab Allah, dan mereka memberitahu Nabi SAW tentang perkara itu, maka baginda membenarkan mereka dalam perkara tersebut. Dan kerana dibolehkan mengambil nafkah untuk perkara tersebut, maka dibolehkan juga upah untuk perkara-perkara lain seperti membina masjid, mengajar agama dan melakukan badal haji.

Menerusi penelitian di atas dapat disimpulkan bahawa mengambil upah dan membayar upah dalam badal haji adalah harus dalam pandangan majoriti para ulama. Namun seseorang yang membayar upah untuk menunaikan haji bagi pihak dirinya atau bagi pihak orang yang telah meninggal dunia, perlulah memenuhi syarat-syarat ujrah yang ditetapkan oleh syarak, termasuk mengetahui jumlah upah, akad upahan, dan apa yang diterimanya sebagai upah adalah miliknya. Penerima upah dibenarkan untuk membelanjakannya dan menggunakan dengan bebas, termasuk dalam nafkah dan keperluan lain. Jika ada lebihan, maka itu adalah miliknya. Jika dia terhalang atau tersesat atau kehilangan nafkahnya, maka dia bertanggungjawab atasnya dan haji itu menjadi tanggungannya.

KESIMPULAN

Badal haji adalah satu perkara yang penting dalam Islam yang membolehkan seseorang Muslim memenuhi kewajipan rukun Islam kelima walaupun pada asalnya mereka tidak mampu melaksanakannya sendiri. Walaupun secara umumnya badal haji adalah perkara yang diharuskan dalam syariah. Para fuqaha' bersepakat dalam beberapa syarat yang wajib dipenuhi sama ada ibadat tersebut diwakili oleh ahli keluarga sendiri atau pun orang luar. Badal haji juga boleh dilakukan oleh ahli keluarga secara sukarela atau dengan membayar upah kepada pihak yang diwakilkan. Walaubagaimanpun, seorang pewaris atau ahli keluarga yang ingin mengupah seseorang untuk menunaikan badal haji perlu berhati-hati, iaitu dengan memastikan pihak wakil benar-benar mencukupi syarat sah haji.

Masyarakat juga perlu teliti dan berhati-hati dalam mewakilkan seseorang atau agensi untuk urusan badal haji, ini kerana di samping sambutan yang baik dan amanah pengurus-pengurus badal haji, terdapat juga beberapa kes penipuan dan pecah aman di pihak-pihak yang tidak bertanggungjawap demi mendapat wang semata-mata. Perkara ini berlaku kerana adanya pihak-pihak yang hanya menjadi orang tengah semata-mata tanpa menitikberatkan aspek amanah yang dipikul. Disamping itu wujud wakil-wakil yang mengambil kesempatan dengan melaksanakan satu haji untuk ramai pewakil sedangkan perkara itu tidak sah dan bercanggah dengan syarak.

RUJUKAN

- Al-Aini, Badr al-Din. (2001). *Umdatul Qari*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ansari, Zakariya bin Muhammad bin Ahmad. (2006). *Sharh al-Minhaj*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bugha, Mustafa, Mustafa al-Khin & Ali al-Sharbini. (1992). *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Dar al-Qalam.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. (2013). *Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1989). *Sahih al-Bukhari*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Dardir, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. (2010). *Al-Sharh al-Kabir*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Khatib al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad. (2006). Al-Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'an Alfaz al-Minhaj. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1996). Syarh Sahih Muslim. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Sijistani, Abu Daud Sulaiman al-Asy'ab. T.Th. *Sunan Abu Daud*. Tahqiq: Muhammad Muhyiddin Abd Hamid. al-Maktab al-'Asriyyah.

Ibn al-Munzir, Muhammad bin Ibrahim. (2004). *Al-Ijma'*. Dar al-Muslim li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Ibn Hajar, Ahmad bin Ali. (2021). *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Maktabah Azzam.

Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Sa'id. (2012). *Al-Muhalla*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Nujaim, Zain al-Din bin Ibrahim bin Muhammad. (2008). *Al-Bahr al-Raiq*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Qasim, Abdul Rahman bin Muhammad. (1977). *Hasyiah Ibn Qasim 'ala al-Raudh al-Murbi'*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Qudamah al-Maqdisi, Muwaffaq al-Din Abdullah bin Ahmad. (2005). *Al-Mughni*. Maktabah al-Qahirah

Ibrahim, M. F. (2021, Julai 18). Irsyad Fatwa Haji Dan Korban Siri Ke-50: Adakah Boleh Mengerjakan Badal Haji Melebihi Seorang Di Dalam Satu Haji?. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/edisi-haji-korban/4879-irsyad-fatwa-haji-dan-korban-siri-ke-50-adakah-boleh-mengerjakan-badal-haji-melebihi-seorang-di-dalam-satu-haji>

Mohamad Nasir, N. (2023, Julai 24). Badal Haji Untuk Lebih daripada Seorang. Jabatan Mufti Negeri Selangor.
https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/26/28-taudih-al-hukmi-badal-haji-untuk-lebih-daripada-seorang/#_ftn5